

PENDEKATAN TEORI KELAKUAN PENGUNDI DAN PILIHAN POLITIK DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) JELAWAT, BACHOK, KELANTAN

*(Theoretical Approach Of Behavior Voter And Political Choice In The State Assembly Of
Jelawat, Bachok, Kelantan)*

Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Novel Lyndon, Ahmad Afif Zulkipli

ABSTRAK

Golongan pengundi merupakan salah satu komponen yang penting dalam pilihan raya. Memahami tingkah laku dan corak pengundian oleh pengundi akan membantu pihak-pihak yang bertanding dan memenangi sesuatu pilihan raya. Pelbagai faktor yang dikaitkan bagaimana corak pengundian ini berlaku seperti faktor geografi, sosiologi, psikologi, etnik, kelas dan sebagainya. Secara umum, terdapat tiga pendekatan model/teori kelakuan pengundi yang telah dilakukan pengkaji-pengkaji di Barat iaitu model sosiologikal, teori identifikasi parti dan teori pilihan rasional. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh pendekatan kelakuan pengundi terhadap pilihan parti politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (N22) Jelawat, Bachok, Kelantan. Beberapa kaedah kajian telah digunakan iaitu penyelidikan kepustakaan dan soal selidik terhadap 200 orang responden di tiga kawasan daerah mengundi terpilih berdasarkan lokasi geografi perbandaran iaitu bandar, separa bandar dan juga luar bandar dalam N22 Jelawat. Hasil kajian mendapati pendekatan teori kelakuan pengundi yang paling diutamakan di N22 Jelawat adalah teori pilihan rasional iaitu pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan dapat memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat-maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu. Majoriti responden menyokong BN pada PRU-13 dan akan terus menyokong BN pada PRU-14 akan datang. Responden juga menyatakan peluang BN untuk menawan Kelantan pada PRU akan datang adalah tipis sebaliknya majoriti menyatakan tidak pasti. Justeru, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan umum atau panduan kepada semua pihak sama ada pihak parti politik mahupun kerajaan untuk meneliti isu dan permasalahan yang berlaku di kawasan kajian agar pihak yang terlibat lebih peka dalam memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat sebaiknya.

Kata kunci: Tingkahlaku pengundian, pengundi, calon, parti politik, teori pilihan rasional

ABSTRACT

Those voters is one of the important components in the elections. Understanding behavior and voting patterns by voters will help the parties contesting and win the election. Various factors associated how this pattern occurs such as geography, sociology, psychology, ethnic, class and so on. In general, there are three approaches to model/theory of voter behavior that has made researchers in the West as sociological model, party identification theory and rational choice theory. Thus, this article aims to examine the influence voter behavior approach to the selection of political parties in the Legislative State Assembly (N22) Jelawat, Bachok, Kelantan. Several methods have been used to study the literature research, and questionnaires to 200 respondents in three polling districts selected based on the geographic location of the municipality such as urban, semi-urban and rural areas in Jelawat N22. The study found that voter behavior theory most preferably at study area are rational choice theory that voters will give their votes to the party or the candidate most likely to satisfy their demands with guided information and knowledge to something that option. The majority of respondents support the BN in the 13th general election and will continue to support the BN in the coming 14th general election. Respondents also noted the opportunity to capture Kelantan BN in the coming election are slim majority stated otherwise uncertain. Thus, these findings could be used as a general reference materials or guidance to all parties whether the political party or government to examine the issues and problems that occur in the study area in order for the parties involved to be more sensitive to the demands and needs of society better.

Keywords: Behavioural voting, voters, candidates, political parties, rational choice theory

PENGENALAN

Tingkah laku pengundian adalah bidang yang cuba memahami perkara asas pertimbangan pengundi dalam membuat keputusan mengundi atau tidak dan calon yang hendak dipilih. Memahami tingkah laku pengundian oleh pengundi adalah perkara penting yang perlu diketahui oleh parti-parti politik yang bertanding dalam usaha memenangi sesuatu pilihan raya. Dengan memahami tingkah laku pengundian, ianya membolehkan parti dan calon bertanding mengatur strategi pilihan raya dan kempen dan seterusnya berusaha memenangi hati pengundi untuk menyokong dan memberi undi kepada mereka. Secara umum, terdapat tiga model tingkah laku pilihan raya yang telah dilakukan pengkaji-pengkaji di Barat iaitu model sosiologikal, model identifikasi parti dan model pilihan rasional. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menghuraikan ketiga-tiga model tersebut secara komprehensif dan cuba untuk membuat kesimpulan mengenai model tingkah laku pengundian yang menjadi sandaran dalam pilihan politik pengundi di DUN Jelawat, Bachok, Kelantan.


KAWASAN DAN METOD KAJIAN

Jelawat terletak berhampiran dengan Kampung Mujor dan Kampung Rusa. Berdasarkan cerita turun-temurun, pada zaman dahulu, pemburu telah datang untuk memburu binatang. Sebelum memburu, mereka telah berselawat di sebuah kawasan yang kemudiannya dikenali sebagai 'Jelawat', sempena nama 'tempat pemburu berselawat'. Persempadanan untuk PRU 2013 bagi N22 Jelawat mengandungi kawasan-kawasan Daerah Mengundi Jelawat Tengah, Kampung

Bator, Kuchelong, Kedai Pauh Lima, Teratak Pulai, Seneng, Telaga Ara, Keting, Gunong, Alor Bakat, Mahligai, Pak Badol, Serdang, Kolam, Kubang Telaga, Kampung Bakong, Kampung Redang dan Beris Lalang (Rujuk Rajah 1: Peta kedudukan kawasan DUN Jelawat dalam Parlimen Bachok, Kelantan).

Kawasan kajian perbancian dalam DUN Jelawat meliputi 3 kawasan Daerah Mengundi terpilih iaitu di kawasan bandar (Daerah Mengundi Jelawat Tengah, Pusat Mengundi Sekolah Kebangsaan Jelawat), separa bandar (Daerah Mengundi Gunung, Pusat Mengundi Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gunung), dan juga luar bandar (Daerah Mengundi Kuchelong, Pusat Mengundi Sekolah Kebangsaan Kuchelong) di Dewan Undangan Negeri (N22), Jelawat dalam Parlimen Bachok, Kelantan.

PELAN MENUNJUKKAN SEMPADAN DAERAH MEGUNDI DALAM BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia cawangan Kelantan; Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan

Rajah 1. Peta Kedudukan Daerah-Daerah Mengundi dan DUN dalam Parlimen Bachok serta DUN Jelawat (berwarna hijau)

Jika ditinjau dari aspek sejarah pilihan raya, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N22 Jelawat (dahulunya dikenali sebagai Bachok Selatan pada PRU 1959 hingga PRU 1978) merupakan kawasan yang dikuasai PAS pada PRU 1959 hingga PRU 1969, PRU 1974-1986 dimenangi calon BN dan PRU 1990-1995 (Semangat 46), PRU 1999 dikuasai PAS, PRU 2004 oleh BN dan PRU 2008 hingga PRU 2013 dikuasai semula oleh PAS.

Dalam PRU 2013 yang lalu, kawasan DUN Jelawat dimenangi oleh calon PAS iaitu Abdul Azziz Abdul Kadir (11,722 undi) menewaskan calon BN iaitu Datuk Dr Ilias Husain (11,620 undi) dengan majoriti 102 undi (SPR 2013). Pada PRU 2008, calon PAS (Abdul Azziz Abdul Kadir) mendapat 9,729 undi berbanding calon BN (Datuk Dr Ilias Husain) mendapat 8,505 undi, calon PAS menang dengan majoriti 1224 undi (SPR 2008). Jumlah pemilih di kawasan DUN Jelawat pada PRU 2013 ialah 27,068 orang dengan 98.82 peratus adalah pemilih daripada etnik Melayu, 1.08 peratus etnik Cina, 0.03 peratus etnik India dan 0.07 peratus adalah etnik-etnik lain. Peratusan keluar mengundi ialah 87.8 peratus (23,691 undi) dengan undi rosak sebanyak 349 undi (SPR 2013).

Kaedah atau metod kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif (soal selidik dan data pilihan raya), kaedah kualitatif (kajian kepustakaan dan kajian daripada sumber internet). Kaedah tinjauan melalui soal selidik dilakukan dengan mengedarkan satu set borang soal selidik kepada orang awam atau mereka yang layak untuk mengundi. Responden dikehendaki menjawab kesemua soalan sepertimana yang dikehendaki oleh borang soal selidik tersebut. Bagi mereka yang buta huruf pula, pengkaji akan membacakan soalan tersebut dan mereka dikehendaki memberi mana-mana jawapan yang terdapat dalam kertas soal selidik tersebut. Kaedah soal selidik dilakukan bagi melihat dengan lebih terperinci mengenai pengaruh pendekatan teori kelakuan pengundi yang digunakan terhadap pilihan parti di kawasan Dewan Undangan Negeri (N22) Jelawat, Bachok. Bagi mendapatkan maklumat melalui sumber sekunder pengkaji melakukan kaedah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan dilakukan bagi meninjau semula penulisan yang berbentuk buku-buku, jurnal dan juga majalah akademik yang mempunyai maklumat mengenai bidang kajian. Bahan-bahan turut diperolehi daripada terbitan badan-badan Kerajaan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Parameter teori identifikasi parti

Pendekatan identifikasi parti diperkenalkan pada tahun 1950-an oleh A. Campbell dan rakan-rakannya iaitu ahli psikologi sosial daripada University of Michigan di Amerika Syarikat. Identifikasi parti merujuk kepada ikatan dan kesetiaan kepada sesuatu parti dan atas dasar inilah maka sesuatu parti itu dipilih dalam pilihan raya. Kesetiaan itu pula dibentuk melalui proses

sosialisasi politik iaitu proses yang menurunkan dan menanamkan nilai dan norma daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Ghazali 2006). Nilai dan norma itu diperturunkan oleh agen sosialisasi seperti ibu bapa, saudara mara, jiran, rakan, sekolah dan organisasi politik. Oleh kerana adanya penurunan nilai itu, maka terdapat kecenderungan parti yang disokong oleh anak adalah sama dengan parti ibu bapa mereka. Selain itu, terdapat kecenderungan antara tempoh seseorang menyokong parti tertentu dengan darjah kesetiaan. Lebih lama seseorang telah mengidentifikasikan dengan sesuatu parti maka kesetiiaannya kepada parti berkenaan juga semakin kuat (Campbell et al. 1960: 163).

Mohd Jalaluddin et al. (2013) dalam kajian 'Model Tingkah Laku Pengundian Dalam Kajian Pilihan Raya Di Malaysia' mendapati model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Faktor calon yang sama etnik juga bukan merupakan faktor utama pemilihan dalam pengundian. Pengundi secara umumnya telah mengidentifikasi dengan parti-parti tertentu. Namun begitu didapati juga jumlah pengundi yang tidak mengikat dengan mana-mana parti dan cenderung kepada model pilihan rasional dan model retrospektif juga semakin membesar dan menjadi faktor penentu di kawasan-kawasan pilihan raya tertentu.

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden menyokong parti kerana kehendak sendiri. Mereka juga menyokong parti kerana dasar perjuangan. Responden juga tetap menyokong partinya walaupun berlainan ideologi dengan ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan. Responden memilih parti yang sama setiap kali pilihan raya diadakan tanpa menghiraukan isu yang berbangkit.

Jadual 1: Parameter berdasarkan Teori Identifikasi Parti

Bil.	Penyataan	Ya (%)
1.	Saya mengundi sesuatu parti berdasarkan kehendak sendiri.	87.5
2.	Saya mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat pilihan yang terbaik di peti undi.	75.0
3.	Ahli keluarga banyak mempengaruhi saya dalam membuat pilihan parti.	48.0
4.	Saya lebih cenderung mengundi parti yang didokong dan tidak mempedulikan kempen daripada parti lawan.	68.0
5.	Asas sokongan saya kepada parti yang saya minat adalah padu dan tidak berbelah bahagi.	77.5
6.	Saya dan keluarga memilih parti kerana dasar perjuangan parti tersebut.	78.0
7.	Bukti sokongan saya kepada parti yang didokongi adalah melalui penyertaan saya dalam aktiviti parti tersebut.	60.0
8.	Saya tidak kisah duduk dan berbincang tentang politik dengan mereka yang berbeza parti politik.	70.5
9.	Saya akan menonjolkan pendirian parti yang saya sokong dengan meletak poster parti atau calon parti saya dalam rumah saya.	59.0
10.	Reputasi parti saya tidak boleh dipertikaikan.	63.0

11.	Jika parti saya tidak bertanding dalam sesuatu pilihan raya maka saya tidak akan turun mengundi.	35.5
12.	Saya akan merosakkan kertas undi jika parti saya tidak bertanding.	32.5
13.	Saya taat kepada arahan parti saya.	63.5
14.	Saya merasa bangga dengan memakai baju atau pakaian yang mempunyai logo parti saya.	67.5
15.	Saya memilih parti yang sama setiap kali pilihan raya diadakan tanpa menghiraukan isu yang berbangkit.	78.0
16.	Saya merasa bangga dengan parti saya.	75.0
17.	Saya sanggup menghabiskan wang dan harta benda untuk parti saya.	54.0
18.	Saya setia dengan parti yang saya sokong.	72.5
19.	Saya tetap membela parti saya walaupun terpalit isu integriti dan ketidakkonsistenan dalam prinsip parti.	50.0
20.	Saya tetap menyokong parti saya walaupun berlainan ideologi dengan ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan.	80.5

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Berdasarkan Jadual 2 didapati parameter teori model perlakuan pengundian identifikasi parti yang menjadi keutamaan responden apabila golongan yang berumur 50 tahun dan ke atas mengundi sesuatu parti berdasarkan kehendak sendiri (90.9 peratus). Ini menunjukkan bahawa golongan yang berada pada tahap umur ini sudah matang dan berfikir lebih ke hadapan serta mampu untuk membuat keputusan sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Namun, bagi soalan asas sokongan pengundi kepada parti yang diminati adalah padu dan tidak berbelah bahagi pula jelas menunjukkan kesemua golongan yang berumur dari 21 tahun sehingga 51 tahun dan ke atas jelas memaparkan sokongan yang tidak jauh berbeza. Buktinya nilai peratusan yang berumur 21-30 tahun (79.6 peratus), 31-41 tahun (71.7 peratus), 41-50 tahun (85.7 peratus) dan 50 tahun dan ke atas (63.6 peratus). Hal ini kerana kesemua golongan ini telah mempunyai banyak akses kepada maklumat dan secara tidak langsung telah memberi peluang untuk mereka memilih sesebuah parti secara bijak.

Jadual 2. Parameter Teori Identifikasi Parti dengan umur

Parameter Teori Identifikasi Parti	Umur			
	20-30	31-40	41-50	51 dan ke atas
1) Saya mengundi sesuatu parti berdasarkan kehendak	88.0	92.5	75.0	90.9
2) Asas sokongan saya kepada parti yang saya minat adalah padu dan tidak berbelah bahagi	79.6	71.7	85.7	63.6

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Campbell et al. (1960) yang menyatakan bahawa pengundi mempunyai kesetiaan yang berpanjangan terhadap sesuatu parti seterusnya yang mempengaruhi sikap dan tingkahlaku politik di samping berterusan mengundi parti berkenaan pada setiap pilihan raya diadakan. Sehubungan dengan itu, Campbell et al. (1960) telah memperkenalkan satu model berasaskan psikologi iaitu model identifikasi parti. Model ini menyatakan bahawa seseorang pengundi itu memilih sesuatu calon dan parti adalah berasaskan ikatan dan kesetiaan seseorang itu terhadap parti tersebut. Kadar ikatan dan kesetiaan ini menurut teori ini, semakin lama seseorang itu dengan sesebuah parti, semakin kuat ikatan dan kesetiaan ini dibentuk melalui pelbagai kaedah dan cara. Yang paling berpengaruh mengikut model ini ialah proses sosialisasi politik melalui keluarga. Sebagai contoh, jika ibu bapa merupakan penyokong kuat Parti Demokrat, maka kebiasaannya pendirian politik mereka akan diwarisi oleh anak-anak.

Parameter teori pilihan rasional

Teori pilihan rasional telah diperkenalkan oleh Anthony Down (1957) dalam karyanya “*An Economic Theory of Democracy*”. Beliau menamakan pilihan politik dengan pilhan ekonomi. Menurutnya dalam pasaran ekonomi seseorang pengguna akan membandingkan barang-barang pengeluaran dari segi harga barang dan seterusnya membuat pilihan untuk membeli berdasarkan nilai wang sesuatu barang. Dalam membuat pilihan dalam pilihan raya, lazimnya pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat-maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu.

Dalam mengemukakan pendekatan ini, beliau telah membangkitkan beberapa andaian asas. Andaian pertama ialah dorongan parti iaitu pemimpin akan menyesuaikan matlamat misinya demi memenuhi kehendak pengundi. Ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan terhadap sesuatu parti yang dipilih. Andaian asas kedua ialah kerasionalan rakyat iaitu pengundi akan berusaha memaksimumkan kepuasan mereka dari segi material melalui pemberian undi kepada parti atau calon yang dipercayai dapat menunaikan janji. Andaian-andaian ini akan menjejaskan bahawa pengundi adalah bersikap rasional kerana mereka menilai pelbagai alternatif yang diperoleh kepada mereka dari segi kos dan faedah sebelum membuat sesuatu pilihan.

Dapatan kajian pada Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti responden akan memberikan undi yang berterusan kepada parti yang memenuhi janji di samping menyokong parti yang mengutamakan rakyat berbanding kroni dan negara. Responden juga tidak kisah sama ada calon, jantina dan juga latar belakang asalkan kepentingan serta kehendak ditunaikan di samping menyokong parti yang memperjuangkan subsidi kerajaan untuk rakyat. Selain itu responden menyokong parti yang dapat membentuk kerajaan yang boleh memanfaatkan sumber kekayaan negara untuk kepentingan rakyat dan menyatakan parti sepatutnya dapat memenuhi keperluan rakyat, bukannya kepentingan parti.

Jadual 3. Parameter berdasarkan Teori Pilihan Rasional

Bil.	Penyataan	Ya (%)
-------------	------------------	---------------

1.	Saya cenderung memilih parti yang memberi faedah dan tawaran yang menarik.	64.0
2.	Saya akan memberikan undi yang berterusan kepada parti yang memenuhi janji.	83.5
3.	Agenda pembangunan di peringkat tempatan dan nasional dapat menarik saya untuk lebih memilih parti tersebut.	79.0
4.	Saya hanya memilih parti yang boleh mengubah taraf hidup saya ke arah yang lebih baik.	77.0
5.	Manifesto yang dijanjikan lebih penting berbanding isu yang dibangkitkan.	57.5
6.	Saya menyokong parti yang mengutamakan rakyat berbanding kroni dan negara.	80.5
7.	Saya tidak kisah sama ada calon, jantina dan juga latar belakang asalkan kepentingan serta kehendak ditunaikan.	80.5
8.	Saya tidak memilih calon yang tidak telus, serta pecah amanah.	78.5
9.	Saya menyokong parti yang dapat memberi wang dan perkhidmatan yang selayaknya kepada saya.	50.0
10.	Saya tidak kisah sama ada parti tersebut memberi wang atau tidak asalkan parti yang saya pilih boleh membangunkan kawasan saya.	79.5
11.	Saya akan menyokong parti yang dapat menjamin masa depan saya dan anak-cucu saya.	77.0
12.	Parti yang menawarkan manifesto yang terbaik sahaja menjadi pilihan saya.	68.0
13.	Kenaikan harga barang dan harga minyak mampu mempengaruhi saya untuk beralih dan memberi undi kepada parti politik lain.	66.5
14.	Isu-isu nasional dan lokal memberi kesan terhadap parti pilihan saya.	68.0
15.	Saya menyokong parti yang memperjuangkan subsidi kerajaan untuk rakyat.	81.0
16.	Saya mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat pilihan yang terbaik di peti undi.	77.0
17.	Parti yang menjaga kebajikan mampu menarik saya untuk mengundi sesuatu parti tersebut.	80.0
18.	Parti yang memperjuangkan kebebasan dan hak untuk bersuara akan saya sokong.	80.0
19.	Saya menyokong parti yang dapat membentuk kerajaan yang boleh memanfaatkan sumber kekayaan negara untuk kepentingan rakyat.	88.5
20.	Parti sepatutnya dapat memenuhi keperluan rakyat, bukannya kepentingan parti.	80.0

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Dapatan kajian menunjukkan parameter teori pilihan rasional pengundi lebih cenderung memilih parti yang memberi faedah dan tawaran yang menarik (Lihat Jadual 4). Buktinya responden yang berumur 21-30 tahun adalah 63.0 peratus, 31-40 tahun (67.7 peratus), 41-50

tahun (60.7 peratus) dan 51 tahun dan ke atas (63.5 peratus). Hal ini kerana bagi mereka perlunya ada situasi ‘menang-menang’ di mana mereka menjalankan tanggungjawab dengan memilih parti tersebut dan sebagai imbalan parti tersebut perlu memenuhi kehendak dan mampu mengubah keadaan kawasan pengundi menjadi lebih baik. Ini selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Downs (1957) yang menyatakan pengundi akan memilih sesuatu parti dan calon berasaskan keuntungan yang akan diperoleh hasil daripada pilihan tersebut. Downs menerangkan bahawa pengundi akan membuat perbandingan antara mengekalkan parti pemerintah sedia ada atau memilih parti yang baru. Asas pilihan ini adalah berdasarkan pengundi mempunyai maklumat tentang isu-isu dasar dan polisi parti-parti yang bertanding dan membuat perbandingan secara rasional untuk memilih parti yang mendatangkan faedah dan keuntungan lebih kepada mereka.

Seterusnya parameter teori pilihan rasional juga dapat dilihat apabila pengundi akan memberikan undi yang berterusan kepada parti yang memenuhi janji. Golongan belia yang berumur 31-40 tahun lebih menonjol iaitu 88.7 peratus. Hal ini kerana golongan ini telah mampu untuk berfikir bagi kepentingan diri dan masyarakat selain membuktikan bahawa parti yang dipilih adalah parti yang memberikan khidmat yang sewajarnya. Dalam kajian Fiona (1981) yang memperkenalkan model *retrospective voting* (pengundian berasaskan pengalaman lalu) iaitu model yang diubah suai kepada model pilihan rasional. Fiorina (1981) menyatakan bahawa pengundi yang rasional akan mengundi berdasarkan penilaian pengundi terhadap prestasi parti pemerintahan dalam penggal pemerintahan mereka. Jika semasa pemerintahan berjalan dengan baik dan memberi faedah kepada pengundi, maka pengundi akan lebih cenderung untuk mengekalkan pemerintahan mereka. Antara pemboleh ubah menurut Fiorina ialah dasar- dasar atau polisi yang diperkenalkan dan prestasi ekonomi.

Agenda pembangunan sesebuah parti di peringkat tempatan dan nasional dapat menarik pengundi untuk lebih memilih parti. bagi soalan parameter teori pilihan rasional ini juga turut membuktikan bahawa kesemua peringkat umur inginkan pembangunan bukan sahaja di kawasan mereka tetapi juga di dalam negara. Hal ini kerana bagi mereka setiap rakyat menginginkan pembangunan bukan sahaja di kawasan mereka tetapi di peringkat negara. Ini bertujuan agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan selesa dan teratur dan pembangunan yang dilakukan perlulah seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar.

Jadual 4. Parameter Teori Pilihan Rasional dengan umur

Parameter Teori Pilihan Rasional	Umur			
	20-30	31-40	41-50	50 tahun dan ke atas
1) Saya cenderung memilih parti yang memberi faedah dan tawaran yang menarik	63.0	67.9	60.7	63.5
2) Saya akan memberikan undi yang berterusan kepada parti yang memenuhi janji	83.3	88.7	85.7	54.4
3) Agenda pembangunan di peringkat tempatan dan nasional dapat menarik saya untuk lebih	79.6	81.1	78.6	63.3

memilih parti tersebut

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Parameter model sosiologi

Pendekatan sosiologikal menekankan bahawa status sosioekonomi (pendidikan, pendapatan dan kelas), agama, etnik dan tempat tinggal (bandar atau luar bandar) mempunyai kaitan yang rapat dengan pilihan pengundi (Ghazali 2006). Penyelidik dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat adalah di antara yang awal yang menggunakan pendekatan sosiologikal ini bagi menjelaskan tentang pengundian. Dalam kajian yang dibuat semasa pilihan raya presiden tahun 1940, mereka mendapati pola pengundian mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek-aspek yang dinyatakan di atas. Misalnya dari segi agama, golongan Protestan lebih cenderung untuk memilih Parti Republikan berbanding dengan mereka yang menganut fahaman Katolik (Lazarsfield et al. 1968: 21-22). Selain agama, kelas juga didapati memainkan peranan signifikan dalam pengundian. Kelas bawahan dan kelas menengah lebih cenderung untuk menyokong Parti Demokrat, sementara kelas atasan pula lebih cenderung untuk menyokong Parti Republikan (Lipset 1960: 305).

Dapatan kajian pada Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan bahawa calon yang suka bertemu masyarakat mampu meraih undiannya. Responden juga menyatakan calon yang mengisi masa untuk bertemu mata dengan rakyat adalah calon yang baik, di samping menyokong calon yang mempunyai pengalaman dalam mengurus atau mentadbir serta mesra rakyat. Responden juga lebih tertarik pada parti yang mengamalkan ciri-ciri keislaman serta telus dalam parti.

Jadual 5. Parameter berdasarkan Model Sosiologi

Bil.	Penyataan	Ya (%)
1.	Calon yang suka bertemu masyarakat mampu meraih undian saya.	81.0
2.	Sesi sembang dan majlis keramaian yang diadakan perlu diadakan semasa pilihan raya diadakan.	77.5
3.	Saya lebih memilih calon yang mempunyai latar belakang serta pendidikan yang tinggi.	66.5
4.	Saya akan memilih calon tempatan untuk mewakili suara saya.	69.5
5.	Saya tidak suka calon yang terlalu serius serta formal.	62.0
6.	Calon yang mengisi masa untuk bertemu mata dengan rakyat adalah calon yang baik.	85.5
7.	Saya akan menyokong calon yang mempunyai pengalaman dalam mengurus atau mentadbir serta mesra rakyat.	91.0
8.	Saya akan memilih calon yang mempunyai pertalian darah dengan saya tanpa mengambil kira parti yang diwakili beliau.	43.0
9.	Saya lebih selesa berurusan dengan pemimpin yang sama etnik.	64.0
10.	Isu tempatan penting kerana ia mampu membangunkan kawasan saya.	83.5
11.	Latar belakang agama calon amat penting bagi meraih undi dari saya.	77.0

12.	Saya lebih cenderung memilih calon yang sama jantina dengan saya.	40.5
13.	Faktor etnik asas sokongan saya kepada parti politik.	60.0
14.	Saya akan memilih calon yang sebaya umurnya dengan saya.	26.5
15.	Personaliti dan perwatakan yang dibawa oleh calon lebih penting dari kredibiliti parti yang diwakili.	66.5
16.	Saya lebih tertarik pada parti yang mengamalkan ciri-ciri keislaman serta telus dalam parti.	76.0
17.	Saya akan memilih pemimpin yang mempunyai status sosial yang tinggi seperti mempunyai gelaran Dato' dan kaya.	43.0
18.	Saya lebih selesa memilih pemimpin dalam kalangan ahli perniagaan berbanding pemimpin masyarakat seperti bekas guru atau bekas pegawai daerah serta pegawai kerajaan yang lain.	35.0
19.	Saya menyokong calon/pemimpin yang mempunyai minat atau hobi yang sama dengan saya.	31.5
20.	Saya lebih menyokong pemimpin yang mempunyai latar belakang agama yang tinggi berbanding latar belakang akademik yang baik.	62.5

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengundi lebih memilih calon yang mempunyai latar belakang serta pendidikan yang tinggi. Bagi parameter ini didominasi oleh golongan yang berumur 51 tahun dan ke atas iaitu 81.8 peratus (Lihat Jadual 6). Mereka berpendapat calon yang mempunyai latar belakang serta pendidikan yang tinggi merupakan nilai tambah untuk menjamin pembangunan yang lebih pesat serta idea-idea yang dilontarkan adalah bersifat ke hadapan. Oleh yang demikian, latar belakang serta pendidikan yang tinggi adalah suatu indikator yang penting.

Selain itu responden turut menyatakan bahawa mereka lebih selesa berurusan dengan pemimpin yang sama etnik. Ini dikuatkan lagi apabila nilai tertinggi diwakili oleh golongan belia yang berumur 20-30 tahun iaitu sebanyak (71.3 peratus). Hal ini kerana golongan belia berpendapat pemimpin yang sama etnik lebih memahami sensitiviti serta memudahkan proses komunikasi terutama bagi peringkat umur 50 tahun dan ke atas.

Jadual 6. Parameter Model Sosiologi

Parameter Model Sosiologi	Umur			
	20-30	31-40	40-50	50 tahun dan ke atas
1) Saya lebih memilih calon yang mempunyai latar belakang serta pendidikan yang tinggi	58.3	81.1	64.3	81.1
2) Saya lebih selesa berurusan dengan pemimpin yang sama etnik	71.3	64.2	39.3	54.5

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015


Kajian yang dilakukan oleh Lazarsfeld et al. (1940) menjelaskan bahawa tingkahlaku pengundi dalam kalangan pengundi Amerika adalah berkait rapat dengan kumpulan sosial iaitu

status sosio-ekonomi, agama dan persekitaran tempat tinggal. Mereka membuat andaian bahawa kumpulan-kumpulan sosial ini berkongsi kecenderungan yang sama dan ini menyebabkan corak pengundian adalah berasaskan kumpulan-kumpulan sosial tersebut. Sebagai contoh, dari segi agama, pengundi yang bermazhab Protestant lebih cenderung mengundi parti Republikan berbanding pengundi bermazhab Katolik. Dalam kajian seterusnya beliau juga berpendapat selain daripada faktor sosioekonomi, agama dan persekitaran tempat tinggal, kumpulan pengkaji Universiti Columbia ini turut menambah faktor kelas sosial, etnik dan ekologi juga memainkan peranan yang penting dalam aspek tingkah laku pengundi. Selain itu, mereka turut menjelaskan bahawa agen sosialisasi persekitaran tempat tinggal yang mempengaruhi pendapat politik dan tingkah laku pengundi adalah keluarga, rakan-rakan dan jiran-jiran.

MODEL/TEORI PENGUNDIAN YANG LEBIH DOMINAN DALAM MEMPENGARUHI PILIHAN POLITIK

Berhubung soalan tentang teori/model pengundian yang boleh mempengaruhi pilihan politik model/teori kelakuan pengundi yang paling dominan dalam kalangan responden kajian ialah Teori Pilihan Rasional (Lihat Rajah 2). Pendekatan ini juga mengandaikan bahawa calon atau parti yang bertanding akan mengemukakan dasar atau program yang akan dapat menarik sokongan pengundi. Pengundi pula akan bertindak secara rasional dengan memilih calon atau parti yang sesuai dengan kehendaknya dan dijangka akan memberi faedah kepadanya (Ghazali 2006). Berbanding dengan dua pendekatan yang dibincangkan di atas, pendekatan pilihan rasional ini menekankan tentang kepentingan yang akan diperolehi. Berdasarkan keputusan pilihan raya, satu pendekatan yang tertentu sahaja tidak dapat memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang pola pengundian. Oleh itu gabungan atau konvergensi ketiga-tiga pendekatan digunakan untuk menjelaskan keputusan pilihan raya di Malaysia. Faedah pengundi turut berkait dengan proses pilihan raya dan pengundian yang melambangkan amalan demokrasi di sesebuah negara. Secara umumnya, teori atau pendekatan ini mungkin membenarkan kemasukan aspek-aspek ketaatan dan pendekatan sosiologi ke dalam penjelasannya walaupun tidak besar. Keadaan ini disebabkan oleh kehendak seseorang pengundi dipengaruhi oleh keadaan semasa.

Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Mohd Azri dan Sity (2012 dan 2015) dan Mohd Azri (2013) dalam kajian mengenai 'Tingkah Laku Pengundian di kawasan Parlimen Labuan' mendapati pendekatan model pilihan rasional lebih dominan berbanding identifikasi parti dan sosiologi. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Labuan lebih mengutamakan kepentingan yang memperlihatkan keuntungan kepada mereka terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan kemudahan awam.



Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Rajah 2. Teori/model pengundian yang boleh mempengaruhi pilihan politik

Dapatan kajian menunjukkan responden mengikut umur bagi Teori Pilihan Rasional lebih didominasi oleh belia yang berumur 21-30 tahun iaitu sebanyak 55.6 peratus yang lebih memilih janji manifesto dalam pilihan raya (Lihat Jadual 7). Begitu juga dengan golongan yang berumur 31-40 tahun dan 41-50 tahun iaitu masing-masing 47.2 peratus dan 53.6 peratus. Berbanding dengan golongan yang berumur 51 tahun dan ke atas, teori/model yang lebih mempengaruhi pilihan politik mereka adalah Model Sosiologi iaitu seperti etnik, calon dan latar belakang calon. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa mereka pengalaman dalam memilih sesebuah parti seterusnya telah membantu mereka untuk membuat keputusan yang tepat.

Jadual 7. Model Pengundian Yang Mempengaruhi Pilihan Politik

Umur (tahun)	Teori/model pengundian yang mempengaruhi pilihan politik		
	Semangat kepartian (identifikasi parti)	Janji manifesto dalam pilihan raya (pilihan rasional)	etnik, umur, latar belakang agama dan akademik calon (sosiologi)
21-30	31.9	95.5	30.6
31-40	22.6	47.2	30.2
41-50	7.1	53.6	39.3
50 tahun dan ke atas	9.1	27.3	63.6

Sumber: Soal selidik kajian lapangan, 2015

Namun, model atau teori pengundian yang mempengaruhi pilihan politik berbeza mengikut tempat kerana faktor geografi, budaya, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan tahap

pemikiran dan gerak kerja jentera parti. Ini selaras dengan kajian oleh Junaidi et al. (2014) dalam kajian ‘Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi’ di kawasan DUN Kuala Besut (Terengganu), DUN Sungai Limau (Kedah), DUN Kajang (Selangor), DUN Balingian (Sarawak), Parlimen Bukit Gelugor (Pulau Pinang) dan Parlimen Teluk Intan (Perak). Kajian beliau mendapati sokongan pengundi di kawasan DUN Kuala Besut dipengaruhi oleh identifikasi parti, DUN Sungai Limau (identifikasi parti), DUN Kajang (sosiologi), DUN Balingian (pilihan rasional), Parlimen Bukit Gelugor (sosiologi) dan Parlimen Teluk Intan (pilihan rasional). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh sumber maklumat politik, corak kempen, etnik calon, faktor kekeluargaan, agama, perkauman dan politik pembangunan. Justeru, senario politik dan pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji dengan mempunyai variasi atau kepelbagaian pola pengundian berdasarkan faktor kawasan/lokasi geografi, ideologi politik, tahap pembangunan dan persekitaran sosial yang unik dan menarik untuk dikaji. Junaidi et al. (2015) dalam kajian “Pengaruh Teori Kelakuan Pengundian Dalam Politik Pilihan Raya: Kajian Perbandingan Antara Malaysia Dengan Indonesia” juga mendapati bahawa teori/model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu, manakala di Indonesia, pengundi memilih calon (faktor sosiologi) sebagai faktor pemilihan dalam pilihan raya legislatif dan pilihan raya presiden.

PARTI YANG MENJADI PILIHAN PADA PRU-13

Dapatan kajian mendapati peratus pengundi yang memilih parti berdasarkan jantina dapat dilihat apabila keputusan jelas menunjukkan bahawa responden perempuan yang memilih BN lebih tinggi iaitu 76.9 peratus berbanding responden lelaki iaitu 77.1 peratus. Hal ini berkemungkinan faktor emosi, iaitu golongan perempuan mudah dipengaruhi berbanding dengan responden lelaki yang membuat keputusan lebih matang serta berfikiran lebih panjang. Kajian yang dilakukan oleh Ghazali (1999) mendapati sokongan pengundi Melayu terhadap BN adalah stabil pada empat kali pilihan raya umum berkenaan berbanding sokongan pengundi Cina yang turun dan naik di Pulau Pinang. Beliau juga mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara sokongan undi di peringkat DUN dan Parlimen di Pulau Pinang. Sebagai contoh, dalam pilihan raya umum 1995, DAP memenangi tiga kawasan parlimen (Bagan, Tanjong dan Jelutong) yang ditandingi di Pulau Pinang namun tewas kesemuanya di peringkat DUN yang berada di bawah perlimen tersebut. Corak pengundian sedemikian menurut Ghazali menunjukkan pengundi Cina mahupun Kerajaan Negeri dikuasai oleh BN namun mereka mahukan suara pembangkang yang kuat di peringkat Dewan Rakyat melalui memberi undi kepada DAP di peringkat Parlimen tetapi memberi undi kepada Barisan Nasional di peringkat DUN. Justeru, beliau membuat kesimpulan bahawa model tingkah laku pengundi Melayu lebih kepada identifikasi parti, manakala tingkah laku pengundi Cina lebih kepada model rasional.

Dapatan oleh Ghazali (1999) mengaitkan beberapa isu yang menyebabkan pengundi Melayu beralih kepada parti pembangkang dalam pilihan raya 1990 dan 1999. Menjelang pilihan raya 1990 telah berlaku beberapa isu yang melibatkan orang Melayu iaitu perpecahan UMNO sehingga membawa penubuhan Parti Semangat 46 yang telah diketuai oleh Tengku Razallegih Hamzah. Ini menyebabkan berlaku sokongan pengundi Melayu memberikan

sokongan kuat kepada pihak pembangkang dalam pilihan raya umum 1999 adalah disebabkan simpati mereka terhadap isu pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ini dapat disimpulkan lagi bahawa corak pengundian yang dilakukan oleh pengundi Melayu ialah mereka yang dasarnya mengidentifikasi dengan Barisan Nasional namun apabila timbul beberapa isu yang melibatkan orang Melayu, maka sebahagian mereka menunjukkan protes kepada Barisan Nasional dengan mengundi parti Pembangkang.

PARTI YANG DISOKONG PADA PRU-14 AKAN DATANG

Jika dilihat parti yang disokong antara parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat/PAS, nilai peratusan jelas menunjukkan peratus mereka yang menyokong Barisan Nasional lebih tinggi iaitu 77.0 peratus berbanding peratusan mereka yang menyokong Pakatan Rakyat/PAS yang hanya mencatatkan peratusan sebanyak 23.0 peratus. Ini kemungkinan ada perkaitan yang kuat dengan pengunduran Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat yang seterusnya diganti oleh Datuk Ahmad Yaakob sebagai Menteri Besar Kelantan yang baru. Kesannya rakyat kurang percaya terhadap kepimpinan Datuk Ahmad Yaakob yang masih 'setahun jagung'.

PELUANG BN UNTUK MENAWAN KELANTAN PADA PRU AKAN DATANG

Seperti yang tercatat jelas dalam sejarah, negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang dianggap sebagai kubu PAS. Hal ini disebabkan oleh kejayaan PAS menguasai negeri Kelantan sehingga kini. Namun kemungkinan peluang Barisan Nasional untuk menawan Kelantan pada PRU akan datang adalah cerah. Buktinya dapat dilihat apabila peratus yang menyatakan persetujuan terhadap pernyataan ini mencatatkan nilai peratusan tinggi iaitu 28.5 peratus berbanding dengan mereka yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini iaitu 25.5 peratus. Faktor ini bukan sahaja disebabkan oleh pengunduran Tuan Guru Nik Aziz serta menyerahkan tampuk pemerintahan Menteri Besar Kelantan kepada Datuk Ahmad Yaakob tetapi juga disebabkan oleh kurang percaya rakyat terhadap pimpinan Menteri Besar yang baru.

Dalam Kajian Amiza (1995) menyatakan bahawa sebab utama kejatuhan parti PAS dalam PRU 1978, setelah hampir 18 tahun berkuasa di Kelantan adalah disebabkan oleh kekrastikan BN membuat janji untuk membangunkan Kelantan. Ini menyebabkan semangat kepimpinan PAS menjadi tumpul dan lumpuh untuk meneruskan perjuangan mereka. Oleh itu, tidak mustahil jika sejarah PRU 1978 kemungkinan peluang untuk BN menawan Kelantan pada PRU akan datang berulang. Selain itu peratus yang tertinggi bagi pernyataan ini yang menyatakan bahawa mereka tidak pasti sekiranya BN dapat menawan negeri Kelantan PRU akan datang iaitu sebanyak 46.0 peratus. Sebagai contoh isu berkaitan dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Mereka berpendapat pelaksanaan GST merupakan suatu beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian oleh Rogers (2003) yang menyatakan GST merupakan suatu idea baru amat susah diterima atau terdapat rintangan walaupun idea tersebut mempunyai kelebihan yang ketara. Hal ini kerana manusia kebiasaannya akan memberi reaksi terhadap sesuatu perkara baru berdasarkan tanggapan dan pandangan yang berbeza-beza. Tambahan pula, setiap individu dalam masyarakat yang memiliki pelbagai ragam yang terdiri daripada individu-individu yang

mempunyai kepercayaan yang lain. Justeru, tidak semua orang akan menerima secara automatik apa saja yang disarankan melalui proses komunikasi yang dirancang. Akibatnya, jika rintangan wujud, perubahan tidak akan berlaku atau kemungkinan melambatkan proses perubahan serta penerimaan idea tersebut

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam menganalisis teori/model tingkah laku pengundian telah memperlihatkan corak sebenar pola pengundian dalam kalangan pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan asas pemilihan kepada parti politik dalam pilihan raya ialah pilihan rasional. Mereka mempunyai kuasa 'tawar-menawar iaitu mereka akan menyokong parti yang dapat memberikan sesuatu atau bermanfaat kepada mereka terutamanya faedah materialistik/kebendaan. Dengan itu, parti yang mempunyai dana yang banyak di samping mempunyai pengalaman dalam memerintah akan dipilih oleh responden yang berfikiran sedemikian. Namun terdapat segelintir responden yang memilih parti politik berdasarkan kepada identifikasi parti atau ideologi parti. Dalam hal ini responden yang menyokong PAS berpegang teguh kepada asas perjuangan agama Islam dan patuh kepada kepimpinan PAS. Hal ini kerana mereka bukan menyokong sesuatu parti berdasarkan kebendaan sebagai pulangan, tetapi lebih kepada aspek kerohanian di samping menjadikan agama sebagai asas perjuangan parti. Justeru, dinamika politik ini akan terus mewarnai senario politik di negeri Pantai Timur ini.

RUJUKAN

- Campbel,A., Converse, P.E., Miller,W.E.dan Stokes, D.E. (1960) *The American voter*. John Wiley, New York.
- Downs, A. (1957) *An Economic Theory of Democracy*. Harper and Row, New York.
- Fiorina, M.P. (1981) *Retrospective Voting in American National Elections*. Yale University Press, New Heaven.
- Ghazali Mayudin (1999) Pengundian dan identifikasi parti. Dlm. Ghazali Mayudin. *Teori sains politik pilihan: Aplikasinya dalam konteks Malaysia*. Jabatan Sains Politik, UKM, Bangi.
- Ghazali Mayudin (2006) Demokrasi dan Pilihan Raya Dalam Malaysia. Dlm. Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Isu dan Tingkah Laku Pengundi Semasa Kempen Pilihan Raya Kecil di Permatang Pauh: Satu Kajian Kes*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali dan Mohd Fuad Mat Jali (2014) Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia Dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti Dan Model

- Sosiologi. *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations)*. Anjuran: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat, Amer Saifude Ghazali, Rosmadi Fauzi, Ahmad Rizal Mohd Yusof dan Siti Norafizahhafizah Boyman (2015) Pengaruh Teori Kelakuan Pengundian Dalam Politik Pilihan Raya: Kajian Perbandingan Antara Malaysia Dengan Indonesia. *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-9 (PAHMI9) (The 9th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations)*. Anjuran: Universitas Negeri Yogyakarta (UNY), Yogyakarta, Indonesia. 15-17 September.
- Lazarsfield, P.F., Barelson, B.R. & Goudet, H. (1968) *The people choice*. Duel, Sloan and Pierce, New York.
- Lipset (1960) *Political man, the social bases of politics*. Doubleday, New York.
- Mohd Azri Ibrahim (2013) Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pengundi: Kajian Kes Terhadap Wilayah Persekutuan Labuan. Tesis PhD. Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud (2012) Tingkah Laku Pengundi: Kajian Kes di Labuan. Prosiding The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. 9-11 Julai.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud. 2015. PRU 13: Dominasi BN di Putrajaya dan Labuan. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd Jalaluddin Hashim, Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar (2013) Model Tingkah Laku Pengundian Dalam Kajian Pilihan Raya di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar (PKGAS) Kali Ke 4*. Dewan Persidangan E-Learning Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 5 - 6 Mac.
- SPR (2008) *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12 2008*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2013) *Dashboard PRU 2013*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.

Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Ahmad Afif Zulkipli

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

jab@ukm.edu.my

Mazlan Ali

Sekolah Perdana Polisi Sains, Teknologi dan Inovasi, (UTM PERDANA School), UTM Kampus
Antarabangsa, Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur.